

02/11/1998

Kerajaan ucap terima kasih

KUALA LUMPUR, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan menghargai sumbangan orang ramai untuk mengisi Dana Khas Negara bagi membantu memulihkan ekonomi negara.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap orang yang menyumbang. Di Malaysia, kita tidak pernah gagal menyumbang untuk kebajikan," kata Perdana Menteri kepada peserta dan jawatankuasa penganjur pertandingan walkaton, jogathon dan wheel-A-thon di Dataran Merdeka, semalam.

Pertandingan itu dianjurkan Persatuan Kanak-Kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan. Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, penaung acara itu, Datuk Paduka Saleha Mohd Mohd Ali dan Presiden persatuan berkenaan, Lam Peng Chong.

Sempena acara kebajikan itu, pihak penganjur berjanji menyumbang RM50,000 untuk Dana Khas Negara.

Perdana Menteri yang tidak dijadual menghadiri majlis itu, berkata beliau hadir selepas mendengar pihak penganjur ingin menyumbang wang kepada kerajaan.

(END)